

01/01/2004

Lim Goh Tong lepas teraju Genting

Rasheffa Abdul Rashid

PENGASAS dan Pengerusi Kumpulan Genting Bhd, Tan Sri Lim Goh Tong, semalam melepaskan jawatannya kepada anaknya, Tan Sri Lim Kok Thay selepas hampir 40 tahun menerajui kumpulan itu.

Beliau mengumumkan peletakan jawatannya itu selepas melancarkan bukunya bertajuk My Story di Wisma Genting, Kuala Lumpur semalam.

"Seiring dengan pelancaran buku ini saya melepaskan jawatan sebagai Pengerusi Kumpulan Genting dan dengan demikian menyerahkan seluruh tanggungjawab saya," katanya.

Lim, 86, berkata beliau menyerahkan amanah untuk meneruskan hasil usaha gigihnya membangunkan Kumpulan Genting selama hampir 40 tahun kepada anaknya mulai semalam.

"Kok Thay seorang usahawan yang cekap dan pintar dengan gayanya yang tersendiri. Saya yakin sepenuhnya dia akan menjadikan dirinya sebagai pengganti saya yang baik," katanya.

Pada majlis semalam, Lim turut menyerahkan sumbangan RM1 juta kepada Yayasan Inisiatif Penyelidikan Barah (Carif), iaitu sebahagian daripada sumbangan RM5 juta yang dijanjikan Yayasan Lim untuk pertubuhan itu.

Turut hadir Timbalan Pengerusi Genting Berhad, Tun Mohamed Haniff Omar; bekas Menteri Kewangan, Tun Omar Ong Yoke Ling dan isterinya, Toh Puan Aishah Ong.

Lim berkata, peralihan lancar jawatan Perdana Menteri dari Tun Dr Mahathir kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dua bulan lalu memberikan ilham dan keyakinan kepada beliau untuk turut menyerahkan tanggungjawabnya di Kumpulan Genting kepada Kok Thay.

"Saya senang hati untuk memulakan persaraan kerana yakin Kumpulan Genting kini diterajui orang bijaksana. Jadi saya boleh bangun pagi tanpa perlu memikirkan untuk bekerja lagi," katanya.

Lim berkata, kejayaan Kok Thay membawa Star Cruises Plc ke barisan depan industri pelayaran mengukuhkan lagi keyakinannya terhadap kemampuan anak keduanya itu untuk menerajui Kumpulan Genting.

Kok Thay, 52, yang sudah berkhidmat dengan Kumpulan Genting selama 27 tahun, sebelum ini menggantikan Lim sebagai Presiden dan Ketua Eksekutif Genting serta Resorts World Bhd.

Lim yang dilahirkan di Anxi, Wilayah Fujian, China pada 1918 berhijrah ke Malaysia (ketika itu Tanah Melayu) pada 1937 ketika berusia 20 tahun dengan berbekalkan wang AS\$175 (RM665 nilai mata wang sekarang).

Sebelum membabitkan diri dalam perniagaan sebagai kontraktor kecil, beliau berkerja sebagai tukang kayu.

Beliau menubuhkan Genting pada 1968 dan menyenaraikan syarikat itu di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada 1971.

Hari ini Kumpulan Genting menerusi beratus anak syarikat dan syarikat sekutunya terbabit dalam pelbagai perniagaan, daripada perhotelan, riadah dan peranginan, perladangan, pembinaan, minyak dan gas sehinggalah penjana tenaga elektrik.

Antara anak syarikatnya yang disenaraikan di BSKL ialah Asiatic Development Bhd (Asiatic), Genting Sanyen Bhd, Berjaya Group Bhd, Kumpulan Hartanah Selangor Bhd, Ho Wah Genting Bhd dan Resorts World Bhd.

Sementara itu, Kok Thay berkata, penyerahan jawatan itu penghargaan besar baginya dan beliau akan berusaha gigih untuk memajukan lagi empayar perniagaan yang dibina bapanya.

Mengenai perancangan Kumpulan Genting, beliau berkata, syarikat itu akan

memberikan tumpuan kepada usaha mengembangkan perniagaan peranginan dan riadahnya.

"Kami akan persembahkan First World Hotel bagi menjadikannya hotel terbesar di dunia dengan 6,300 bilik," katanya.

Beliau berkata, ketika ini First World Hotel, iaitu hotel terbaru di Genting Highlands Resorts mempunyai 3,300 bilik dan kerja menambah bilangan biliknya menjadi 6,300 akan siap menjelang 2005.